

# PPM NEWS / BERITA PPM : News about Malaysian Librarians and Libraries



ACADEMIC LIBRARY, COLLABORATION, INTERNATIONAL ISLAMIC UNIVERSITY MALAYSIA, LIBRARIANS, LIBRARIES, PPM

## Perkongsian Maklumat Meriahkan Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan Undang-Undang (JKPUU) 2024

*Oleh: Tuan Safa'at binti Tuan Ameri, Setiausaha, Jawatankuasa Perpustakaan Undang-Undang (JKPUU) 2024-2026*

Selepas terhenti akibat wabak COVID-19, Mesyuarat Jawatankuasa Perpustakaan Undang-Undang (JKPUU) kembali diadakan pada 24 September 2024 di Perpustakaan Dar al-Hikmah, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM). Mesyuarat ini menghimpun pustakawan undang-undang dari seluruh Malaysia bertujuan untuk melantik dan membentuk barisan kepimpinan baharu bagi sesi 2024-2026 dan mengadakan sesi perkongsian maklumat sesama ahli.

Mesyuarat yang berlangsung selama satu hari itu membincangkan agenda penting, termasuk bengkel penyediaan takwim yang merangkumi pelbagai aktiviti dan program bagi tempoh dua tahun akan datang. Bengkel ini bertujuan untuk merangka pelan tindakan strategik, dan juga penglibatan aktiviti profesional seperti seminar, latihan, kolokium, dan program berkaitan perpustakaan undang-undang yang dapat memperkasakan peranan pustakawan undang-undang di Malaysia. Pengerusi JKPUU kami ini adalah Puan Yusrina Abu Bakar dari UIAM.

Mesyuarat JKPUU juga menyokong Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 4: Pendidikan Berkualiti, di mana telah berlangsung sesi perkongsian maklumat dalam kalangan para pustakawan undang-undang yang hadir. Para pustakawan berkesempatan untuk berkongsi kekuatan koleksi dan bidang kepakaran di setiap agensi atau universiti masing-masing. Mereka bertukar pendapat mengenai koleksi-koleksi istimewa mereka, termasuk bahan nadir yang sukar didapati, serta sumber undang-undang yang

menjadi keunikan perpustakaan masing-masing. Perkongsian ini membuka peluang bagi institusi lain untuk mendapat manfaat bersama bagi tujuan pengaksesan kepada bahan-bahan ini, sekali gus memperkukuh kerjasama diantara perpustakaan undang-undang di Malaysia.



Mesyuarat dipengerusi oleh Puan Yusrina Abu Bakar



<http://beritappm.wordpress.com/2024/09/29/perkongsian-maklumat-meriahkan-mesyuarat-jawatankuasa-perpustakaan-undang-undang-jkpuu-2024/>

